

♥24/05/17-27MST

U GR 24-05 00192 BAR97

Rah

Mahathir - Sarawak

MTRT, 24 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau kagum dengan pembangunan negeri Sarawak yang amat pesat kini dan telah mengatasi negeri-negeri lain berbanding dengan keadaannya yang mundur sewaktu mencapai kemerdekaan dahulu.

Perdana Menteri berkata pembangunannya itu pula bukan sahaja tertumpu di bandaraya Kuching tetapi juga di bandar-bandar lain yang kini kelihatan bersih dan tersusun serta mempunyai jalan yang bertar dan besar.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar di sini hari ini pada akhir lawatan empat harinya ke Sarawak yang meliputi Kuching, Rintulu dan Taman Negara Mulu dalam Bahagian Miri.

Beliau menyifatkan lawatannya kali ini sebagai yang terpanjang pernah dilakukannya dan benar-benar dapat melihat kemajuan negeri ini dan merasa kemesraan dan kegembiraan penduduk negeri ini.

Datuk Seri Dr Mahathir memuji kerajaan negeri kerana tidak menunggu sehingga mendapat peruntukan daripada kerajaan pusat untuk menjalankan aktiviti pembangunan tetapi sanggup mengeluarkan wang sendiri.

Menurutnya, ini mungkin kerana kerajaan Sarawak memang mempunyai punca kewangan yang besar tetapi negeri-negeri lain seperti Sabah yang juga mempunyai sumber kewangan seperti itu, tidak juga semaju Sarawak sekarang. -- Lagi.

♥24/05/17-02MST

CNS8063

U GR 24-05 00156 BAR98

Rah

Mahathir - Sarawak 2 Miri

Perdana Menteri berkata satu sebab Sarawak begitu membangun ialah kerana aktiviti pembinaannya amat cergas terutama untuk projek-projek keperluan penduduk biasa.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau kagum dengan pembangunan di Rintulu yang pernah dilawatnya pada tahun 1983 kerana dalam tempoh 10 tahun +bandar belacan+ itu telah banyak bertukar menjadi pusat industri petrokimia.

Menurutnya, industri lain yang berasaskan minyak akan juga ditempatkan di Rintulu bagi menjadikannya pusat industri yang terbesar di Malaysia.

Beliau juga tertarik dengan Taman Negara Mulu yang disifatkan sebagai sebuah pusat pelancongan yang mempunyai potensi yang amat besar kerana keindahan semula jadinya dan guanya yang paling istimewa di dunia.

Beliau mengesetengah pencinta alam yang tidak mahu taman itu dijadikan tempat pelancongan kerana, jika kerajaan mengikut kehendak mereka, hanya beberapa kerat orang sahaja akan dapat melihat keindahan taman itu dan ini tidak demokratik. -- Lagi.

♥24/05/17-10MST

Bah

Mahathir - Sarawak 3-Miri

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata kerajaan mahu mendedahkan taman itu supaya keindahannya dapat dilihat oleh dunia dan semua orang menikmatinya.

Menurutnya, kerajaan tidak mampu hendak membuka taman seperti +Disneyland+ dengan meniru gua-gua yang terdapat di Mulu yang akan menelan belanja beribu-ribu juta ringgit.

Perdana Menteri juga berkata hubungan kerajaan pusat dan kerajaan negeri adalah amat rapat, bukan sahaja di peringkat rasmi tetapi juga pada tahap peribadi.

Menurutnya, terdapat juga persefahaman yang begitu baik antara penduduk negeri ini dan Semenanjung yang merupakan satu petanda positif demi masa depan Malaysia dan hubungan Sarawak dengan negeri-negeri lain.

Mengenai kaum Penan, beliau berkata suku kaum itu tidak boleh dibiarkan ketinggalan dalam arus pembangunan kerana mereka juga berhak seperti orang lain untuk menikmati kehidupan yang lebih sempurna.

Beliau mempersoalkan tujuan sesetengah pihak yang mendakwa hendak memperjuangkan nasib kaum Penan. Ini kerana mereka, termasuk pelarian Swiss, Bruno Manser, sudah jelas mempunyai niat untuk mencari keuntungan hasil daripada kajian mereka mengenai suku kaum itu setelah tinggal bertahun-tahun di hutan Sarawak.

Katanya, Bruno Manser dilaporkan mengaut keuntungan yang banyak daripada syarahan-syarahan yang diadakan mengenai Penan sambil menyebarkan dakwah palsu mengenai mereka. -- Bernama.